

27/03/1997

Malaysia tangguh urusan dua hala baru (HL)

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia memutuskan untuk menangguh semua urusan dua hala baru dengan Singapura berikutan perkembangan terkini berhubung kenyataan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, baru-baru ini yang menghina Johor.

Keputusan itu dibuat pada mesyuarat mingguan Kabinet yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini. Keputusan itu disahkan oleh beberapa menteri yang dihubungi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kini sedang melakukan lawatan rasmi empat hari ke Jepun. Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi mengiringi beliau.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, ketika dihubungi di rumahnya malam ini mengesahkan Kabinet memutuskan membekukan semua urusan dua hala baru dengan Singapura berikutan perkembangan terkini berhubung kenyataan Lee baru-baru ini.

Katanya, keputusan itu membabitkan segala urusan baru atau yang sedang dirancang untuk dilaksanakan terutama yang membabitkan urusan kerajaan dengan kerajaan.

"Sungguhpun Kabinet pada minggu lepas bersetuju menerima permohonan maaf Lee Kuan Yew tetapi kita masih lagi tertanya-tanya mengenai maksud hati kecil bekas Perdana Menteri Singapura dan Menteri Kanan republik itu (ketika membuat kenyataannya)," katanya.

Sebagai contoh, beliau berkata, mesyuarat dua hala yang sudah dijadualkan akan ditangguhkan.

Sabbaruddin, yang juga Setiausaha Agung Umno, bagaimanapun enggan menyatakan tempoh pembekuan itu.

Keputusan Kabinet itu dibuat sehari selepas Goh menyatakan kesediaan untuk memperbaiki hubungan dengan Malaysia dan menggariskan beberapa 'projek bermakna' yang boleh diusahakan kedua-dua negara.

Goh dilaporkan berkata, beliau mahu meneruskan hubungan baik di antara kedua-dua negara selepas berlaku pergeseran diplomatik baru-baru ini.

Antara projek yang disebut ialah jambatan baru menggantikan Tambak Johor yang memang dialu-alukan oleh Singapura dan projek kereta api elektrik dari Singapura ke Kuala Lumpur.

Perdana Menteri Singapura itu memetik peribahasa Melayu 'air dicincang tidak akan putus' bagi mencerminkan hubungan di antara kedua-dua negara yang saling kait-mengait.

Rabu lalu, Abdullah mengumumkan selepas mesyuarat Kabinet walaupun kerajaan menerima permintaan maaf Lee, pemulihan semula hubungan kepada tahap perhubungan yang dahulu akan mengambil masa.

Perbadanan Radio Singapura (TCS) melaporkan pada hari yang sama bahawa Jayakumar melahirkan rasa terkejut terhadap kenyataan Kerajaan Malaysia itu kerana kenyataan Lee mengenai Johor dibuat oleh Lee secara peribadi dalam tindakannya terhadap seorang pemimpin pembangkang Singapura, Tang Liang Hong.

Jayakumar berkata, Lee menyaman Tang atas sifat peribadinya untuk mempertahankan reputasinya dan menggunakan hak peribadinya.

Kenyataan Lee mengenai Johor terkandung dalam affidavit saman terhadap Tang oleh beliau dan anaknya, Hsien Loong, Timbalan Perdana Menteri Singapura.

Selepas menyatakan permohonan maafnya melalui setiausaha akhbarinya, Lee mengeluarkan kenyataannya sendiri dan mengulangi permohonan maaf itu dan

menyatakan beliau sudah mengarahkan peguamnya supaya memansuhkan kenyataan berkenaan daripada affidavit itu. - Bernama  
(END)